

MESYUARAT EKONOMI BUMIPUTERA

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mempengerusikan Mesyuarat Ekonomi Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kerja Raya, Datuk Fadilah Yusof (kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wahid Omar (kanan). - BERNAMA



LAWATAN BAKTI

DATIN SERI ROSMAH MANSOR bersama ahli Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) melawat adik Cahaya Amanda Abdul Ghoni yang menghidap penyakit Epidermolysis Bullosa (EB) sambil diperhatikan ibu bayi berkenaan, Suziyana Jamaludin (kanan) di Pangsapuri Cendana Kampung Bukit Subang, Selangor, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR



TEH TARIK CURI TUMPUAN

PROFESOR MADYA DR. SHAHRIM KARIM dari Universiti Putra Malaysia (berkopiiah) membuat demonstrasi teh tarik di Taif, kira-kira 100 kilometer dari Mekah, semalam. Kebolehan dan gaya beliau mendapat perhatian sewaktu berlangsungnya majlis Malam Kebudayaan sempena merayakan para tetamu Program Umrah dan Ziarah undangan Kerajaan Arab Saudi sejak 14 Jun lalu. Selain 49 orang delegasi dari Malaysia, program itu turut disertai oleh delegasi dari kalangan negara ASEAN.